



INDEKS PERPADUAN NASIONAL (IPNas 2018)

**INSTITUT KAJIAN DAN LATIHAN INTEGRASI NASIONAL
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**


1 PENGENALAN



● Indeks Perpaduan Nasional 2018 (IPNas 2018)

Malaysia memerlukan satu model komprehensif untuk mengukur tahap perpaduan negara ini. Menyedari kepentingan perkara ini, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah membangunkan satu Indeks Perpaduan Nasional menerusi Kajian Pembangunan Indeks Perpaduan Nasional pada tahun 2018 (IPNas 2018).

Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) dibangunkan untuk mengukur tahap perpaduan dan keharmonian negara yang akan menggambarkan keadaan hubungan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia. Ia mengandungi 7 konstruk dan 34 komponen/dimensi.



1

PENGENALAN

- **Keperluan IPNas**


Keperluan mewujudkan satu instrumen indeks bagi mengukur tahap perpaduan negara telah ditimbulkan buat pertama kalinya di dalam sidang Dewan Rakyat pada bulan Mei 2015.

- **Aspirasi**

Usaha ini selari dengan aspirasi untuk membangunkan masyarakat Malaysia yang harmoni dan bersatu padu melalui Rancangan Malaysia ke-11 (2016-2020).

- **Kaedah Pengukuran Sainifik dan Sistemik**

Langkah ini bagi membolehkan Malaysia mempunyai satu kaedah pengukuran secara saintifik dan bersistemik untuk menilai tahap perpaduan nasional dari semasa ke semasa.




● Asas #1 : Asas Sebuah Masyarakat - Struktur, Sejarah dan Biografi

- Indeks ini dibina berdasarkan tiga idea asas yang mendukung sesebuah masyarakat iaitu **struktur**, **sejarah**, dan **biografi**.
- Jalinan struktur sosial dan sejarah menghasilkan biografi individu, keluarga dan komuniti dalam masyarakat pelbagai etnik.
- Struktur sosial ini mengandungi tiga elemen teras, iaitu **masyarakat**, **negara**, dan **pasar**, yang akan mempengaruhi individu, institusi, dan masyarakat secara langsung dan tidak langsung.



2

**ASAS IDEA
MEMBANGUNKAN IPNAS
Struktur, Sejarah, Biografi**



2

**ASAS IDEA
MEMBANGUNKAN IPNAS
Perpaduan, Kesepaduan,
Penyatupaduan**

● Asas #2 : Tiga Teras Utama - Perpaduan, Kesepaduan, Penyatupaduan

- **Perpaduan** merupakan matlamat akhir sebuah negara yang berbilang etnik.
- **Kesepaduan** sosial ialah keadaan aman, stabil, makmur dan sejahtera tetapi mengakui masih terdapat perbezaan dalam bentuk defisit sosial yang wujud dalam sesebuah masyarakat.
- **Penyatupaduan** ialah usaha berterusan pada semua peringkat lapisan masyarakat untuk menyelesaikan defisit sosial melalui pelbagai siri Tapak Integrasi yang akan melibatkan proses Tawar-menawar (*bargaining*), Perundingan (*negotiation*) dan Mediasi (*mediation*)


2

ASAS IDEA MEMBANGUNKAN IPNAS Defisit Sosial



● Asas #3 : Mengenalpasti Defisit Sosial

- Dalam kesepaduan yang dialami ini, wujud lompang-lompang perbezaan yang perlu diurus. Ini bermaksud, wujud dalam kesepaduan sosial itu perbezaan sosial yang dinamakan sebagai defisit sosial.
- Defisit sosial yang dikenalpasti ialah:



- Untuk menguruskan hal berkenaan, tindakan Penyatupaduan perlu diusahakan melalui Tadbir Urus dan Pembangunan negara secara adil dan terangkum, dan memberi fokus utama kepada isu-isu tertentu dari masa ke semasa.

TERAS UTAMA INDEKS PERPADUAN NASIONAL 2018

IPNas

01 PERPADUAN *diidamkan*

**Detik Perpaduan
(DP)**

Detik Perbezaan (DB)

02 KESEPADUAN *dicapai*

Kesepaduan Nasional

**Etos Bangsa
(EB)**

**Kesepaduan Sosial
(KS)**

Defisit Sosial (DS)

03 PENYATUPADUAN *dusahakan*

Etnik

**Hubungan Sosial
Rentas Etnik (HSRE)**

**Tahap
Keetnikan (TK)**

**Batas
Etnik (BE)**

*Tawar-menawar
Perundingan
Mediasi*

**Tadbir Urus &
Pembangunan (TUP)**

Etnisiti

Agama

Kelas Sosial

Pendidikan

Bahasa

Jurang Generasi

Gender

Politik Federalisme

Ruang, Bandar-Desa


MEDIA

9+1

Tujuh (7) Konstruk IPNas 2018


Dimensi:
Keetnikan
Kemodenan
Stabiliti

(Furnival, 1948; Mansor, 2000)



Dimensi:
Material
Status
Tuntutan Sosial
Tindakan Gantian

(Barth, 1969, Mansor & Banton, 1992)



Dimensi:
Perkongsian Sejarah
Perkongsian Nilai Perasaan
Kekitaan Bersama
Perkongsian Masa Depan
Kesetiaan
Komitmen
Keterikatan Emosi Negara

(Jenson, 1998; Bernard, 1999; Shamsul, 2014)

Dimensi :
Kekitaan
Keterangkuman
Penyertaan
Pengiktirafan
Legitimasi
Kesamarataan

(Mahathir Mohamad, 1992; Mansor, 2012)

Dimensi:
Individu
Komuniti
Penyertaan
Dalam Institusi

(Mansor, 2000-2019)



Dimensi:
Ekonomi
Politik
Jenayah & Rasuah
Perkhidmatan Awam
Kemudahan Awam
Pengurusan Masyarakat

(Shamsul, 2000; Mansor, 2012; 2014; 2016)

Dimensi:
Politik
Ekonomi
Pendidikan
Sosial

(Dialog Perpaduan, 2013; 2018; IPNas Project, 2017-2018)

Tujuh (7) Konstruk IPNas 2018

Bil.	KONSTRUK	DEFINISI MUDAH	DIMENSI/KOMPONEN	SUMBER
1.	Tahap Keetnikan	Kecenderungan kpd identiti dan kumpulan etnik masing-masing	Keetnikan / Kemodenan / Stabiliti	(Furnival, 1948; Mansor, 2000)
2.	Batas Etnik	Membuat pilihan rasional sebagai pendorong tingkahlaku dlm hidup berbanding etnik	Material / Status / Tuntutan Sosial / Tindakan Gantian	(Barth, 1969, Mansor & Banton, 1992)
3.	Hubungan Sosial Rentas Etnik	Membina hubungan sosial antara individu, komuniti dan institusi	Individu / Komuniti / Penyertaan Dalam Institusi	(Mansor, 2000-2019)
4.	Kesepaduan Sosial	Keadaan aman, stabil, makmur dan sejahtera dalam konsep kepelbagaian etnik/budaya	Perkongsian Sejarah / Perkongsian Nilai / Perasaan Kekitaan Bersama / Perkongsian Masa Depan / Kesetiaan / Komitmen / Keterikatan Emosi Negara	(Jenson, 1998; Bernard, 1999; Shamsul, 2014)
5.	Etos Bangsa	Kesetiaan/Kecintaan kpd negara yg melahirkan semangat patriotisme dan nasionalisme	Kekitaan / Keterangkuman / Penyertaan Pengiktirafan / Legitimasi / Kesamarataan	(Mahathir Mohamad, 1992; Mansor, 2012)
6.	Tadbir Urus Dan Pembangunan	Soal bagaimana kerajaan sediada berupaya mengurus berkaitan pengurusan masyarakat.	Ekonomi / Politik / Jenayah & Rasuah / Perkhidmatan Awam / Kemudahan Awam / Pengurusan Masyarakat	(Shamsul, 2000; Mansor, 2012; 2014; 2016)
7.	Detik Perpaduan	Perkara yg hadir mengikut keadaan/detik tertentu secara formal/tidak formal	Politik / Ekonomi Pendidikan / Sosial	(Dialog Perpaduan, 2013; 2018; IPNas Project, 2017-2018)

3

Nilai Skor IPNas 2018


SKALA PENGUKURAN COHEN	
NILAI	UKURAN
0.26 - 1.00	Tinggi
0.13 - 0.25	Sederhana
0.02 - 0.12	Rendah

Rujukan: Cohen J. (1988). *Statistical Power Analysis for the Behavioural Sciences*, 2nd Ed. Hillsdale, NJ: Laurence Erlbaum Associates

NILAI SKOR IPNas 2018


- Nilai yang dihasilkan buat pertama kali ini ialah 0.567.
- Nilai ini adalah tinggi berdasarkan kepada skala di antara 0 hingga 1 yang dinyatakan oleh Cohen (1988) sebagai petunjuk yang sesuai bagi kajian sains tingkah laku manusia.

Skala Tahap Perpaduan



Kedudukan nilai ini adalah besar yang menunjukkan bahawa tahap perpaduan di Malaysia adalah dalam kedudukan yang baik.

4 KEPENTINGAN IPNas



1. Menjadi penanda aras dalam mengukur pencapaian tahap perpaduan negara.
2. Mewujudkan konstruk yang komprehensif dalam mengukur tahap perpaduan di Malaysia.



3. Mengukur tahap perpaduan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia bagi melihat *trend* perubahan bersesuaian dengan isu semasa dan perubahan masyarakat.
4. Memandu pembentukan pelan tindakan bagi meningkatkan tahap perpaduan.



5. Menyediakan input bagi pelaksanaan program perpaduan / integrasi nasional di Malaysia.
6. Membolehkan Malaysia dipetakan setaraf dengan negara-negara maju yang mempunyai indeks bagi mengukur kestabilan masyarakat berasaskan prestasi dan pencapaian kesepaduan sosial.

Kesimpulan



Kewujudan indeks ini sebagai sebuah model pengukuran komprehensif dan sistematik di peringkat nasional ini adalah usaha julung kali untuk memahami dan menjelaskan kedinamikan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia. Justeru, usaha mewujudkan IPNas sebagai instrumen untuk memantau tahap perpaduan dan keharmonian adalah antara komitmen serius Kerajaan dalam usaha meningkatkan kesejahteraan rakyat dan keharmonian negara.